

# KAMPUNG ORANG ASLI GEDUNG SIAM MAKIN BERCAHAYA

**Kehidupan** penduduk Kampung Orang Asli di Kampung Gedung Siam, Pahang, kini makin 'bercahaya' apabila menerima 10 lampu jalan panel solar yang disumbangkan Cipta Wawasan Maju Engineering Sdn Bhd (CWM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Lampu jalan panel solar itu dipasang kakitangan teknikal CWM, kakitangan pembekal lampu solar, penyelidik dan pelajar UKM selain dibantu penduduk kampung berkenaan.

Kira-kira 30 penduduk Orang Asli datang membantu dengan menggali lubang, membancuh simen, belajar berkenaan pendawaian dan bateri unit panel solar serta mengangkat panel solar untuk didirikan.

Ketua projek, Profesor Madya Dr S Doris Padmini berkata, lampu solar yang

sensitif terhadap cahaya dan voltan mengambil masa tiga jam untuk dicas sepenuhnya serta boleh menghasilkan cahaya selama 12 jam secara berterusan.

"Ia mempunyai kemampuan untuk mengecas cahaya minimum apabila tiada cahaya matahari. Ini penting kerana musim hujan di Pahang akan bermula dari Oktober hingga Januari setiap tahun," katanya.

Melalui tanggungjawab sosial korporat itu, kini anak yang pergi ke sekolah boleh berjalan di laluan terang. Selain tidak perlu risau lagi dengan kehadiran kenderaan yang melalui jalan itu.

Penduduk kampung juga gembira dapat menggunakan jalan berkenaan untuk berulang alik ke kedai, kebun getah atau ladang sawit.

Malah, lampu yang dipasang itu lebih terang berbanding lampu rumah



**KERJA** pemasangan lampu jalan panel solar turut dibantu masyarakat Orang Asli

dan ia dapat menjadikan tempat untuk berkumpul serta melakukan aktiviti pada sebelah malam.

Dr Doris berharap lebih banyak syarikat akan tampil membantu masyarakat Orang Asli.

"Ada banyak inisiatif mudah dan berkesan yang boleh dilakukan menerusi pembabitan pelbagai pihak

untuk membantu komuniti.

"Kami Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) mengalu-alukan sumbangan dan penyertaan syarikat korporat atau individu dalam pembangunan komuniti secara umum serta khusus untuk kesejahteraan masyarakat Orang Asli," katanya.



**PELAJAR** Orang Asli berasa selamat dengan adanya lampu jalan panel solar